



Ruj. Kami : JPNT.SPM.UHEM.800-5/4/1 Jld.2(**03**)
Tarikh : **21** Januari 2026

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah
Negeri Terengganu

Tuan,

**PELAKSANAAN SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA BAGI MURID
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan (KPM) ruj. **KPM.800-4/4/33 Jld.2 (18)** bertarikh **31 Disember 2025** dan e-mel bertarikh **13 Januari 2026** adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Skim Perlindungan Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM) diteruskan bagi tahun 2026. Nombor Sijil TPSM yang berkuat kuasa bermula daripada 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026 ialah **PTP-P0324898-04-DIR-26**.

3. Skim TPSM memberi perlindungan bagi semua murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan enam di sekolah-sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan seperti yang berikut:

- 3.1 Tempoh perlindungan berkuat kuasa dari 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026.
- 3.2 Skim ini menyediakan perlindungan 24 jam sehari yang meliputi seluruh dunia.
- 3.3 Kekecualian skop perlindungan, jadual manfaat dan syarat-syarat adalah seperti yang dilampirkan dalam **Sijil Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (Appendix A)**.
- 3.4 Tatacara tuntutan pampasan **secara dalam talian** boleh dirujuk seperti dalam **Appendix B**.

4. Maklumat berkenaan peserta skim dan syarat penyertaan adalah seperti yang berikut :

- 4.1 Peserta skim terdiri daripada murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan enam, **warganegara Malaysia** yang berdaftar di bawah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan dengan sumbangan RM1.50 setahun bagi setiap murid dan sumbangan ini ditanggung oleh kerajaan.

...2/-

- 4.2 **Murid bukan warganegara** yang berdaftar di bawah sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan boleh menyertai skim TPSM ini dengan membayar RM1.50 setahun melalui sekolah masing-masing. Pihak sekolah dimohon untuk mengumpul bayaran takaful ini dan menyerahkan kepada pihak **Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad**. Senarai nama murid bukan warganegara dan maklumat bayaran sumbangan TPSM hendaklah disediakan untuk simpanan dan rujukan sekolah masing-masing.
- 4.3 Perlindungan ke atas murid-murid ini **tamat serta-merta apabila murid tersebut berhenti atau diberhentikan daripada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.**

5. Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad daripada pihak sekolah **melalui pautan www.takaful-malaysia.com.my**. Tuntutan hendaklah disokong oleh dokumen-dokumen berkaitan sebagaimana yang telah ditentukan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad.

6. Pihak tuan dimohon untuk mengeluarkan surat iringan bersama-sama dengan surat daripada Kementerian Pendidikan ruj. **KPM.800-4/4/33 Jld.2 (18)** bertarikh **31 Disember 2025** kepada sekolah-sekolah di bawah seliaan tuan. Pihak tuan adalah dimohon untuk memaklumkan kepada pihak sekolah agar menyebarkan perkara berkaitan pelaksanaan TPSM kepada ibu bapa dan penjaga melalui platform yang bersesuaian termasuk semasa **Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru** sekolah masing-masing.

7. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh menghubungi **YM Shph. Aklima Nadia binti Syed Alwi, Penolong Pengarah Unit Hal Ehwal Murid, Sektor Pembangunan Murid, JPNT melalui talian 019-9851085**. Kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MEMACU PRAKARSA PENDIDIKAN"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD ZULKAFLI BIN JUSOH)

Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembangunan Murid
b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu

s.k.

Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu - Makluman tuan.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9000
Faks : +603-8884 9315
Laman Web : www.moe.gov.my



Ruj. Kami : KPM.800-4/4/33 Jld. 2 (18)
Tarikh : 31/Disember 2025

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA BAGI MURID
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Skim Takaful Pelajar Sekolah Malaysia (TPSM) diteruskan bagi tahun 2026. Nombor Sijil TPSM yang berkuat kuasa bermula daripada 01/01/2026 sehingga 31/12/2026 ialah **PTP-P0324898-04-DIR-26**.
- ... 3. Skim TPSM memberi perlindungan bagi semua murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan enam di sekolah-sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan seperti berikut:
 - 3.1 Tempoh perlindungan berkuat kuasa dari 1 Januari 2026 sehingga 31 Disember 2026.
 - 3.2 Skim ini menyediakan perlindungan 24 jam sehari yang meliputi seluruh dunia.
 - 3.3 Kekecualian, skop perlindungan, jadual manfaat dan syarat-syarat seperti yang dilampirkan dalam **Sijil Takaful Pelajar Sekolah Malaysia**.
 - 3.4 Tatacara tuntutan pampasan secara dalam talian boleh dirujuk seperti dalam lampiran **Appendix B**.

4. Maklumat berkenaan peserta skim dan syarat-syarat penyertaan ialah seperti berikut:

- 4.1 Peserta skim terdiri daripada murid prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan enam **warganegara Malaysia** yang berdaftar di bawah sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan dengan sumbangan RM1.50 setahun bagi setiap murid dan sumbangan ini ditanggung oleh kerajaan.
- 4.2 **Murid bukan warganegara** yang berdaftar di bawah sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan boleh menyertai Skim TPMS ini dengan membayar sumbangan TPMS sebanyak RM1.50 setahun melalui sekolah masing-masing. Pihak sekolah diminta mengumpul bayaran sumbangan ini dan menyerahkan kepada pihak **Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad**. Senarai nama murid bukan warganegara dan maklumat bayaran sumbangan TPMS hendaklah disediakan untuk simpanan dan rujukan di sekolah masing-masing.
- 4.3 Perlindungan ke atas murid-murid ini **tamat serta merta apabila murid tersebut tamat belajar, berhenti atau diberhentikan daripada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan.**

5. Semua tuntutan hendaklah dikemukakan kepada Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad daripada pihak sekolah melalui pautan www.takaful-malaysia.com.my. Tuntutan hendaklah disokong dengan dokumen-dokumen berkaitan sebagaimana yang telah ditentukan oleh Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad.


6. Sehubungan dengan itu, jasa baik YBhg. Datuk/tuan/puan dimohon untuk memanjangkan kandungan surat ini ke pejabat pendidikan daerah (PPD). PPD dimohon mengeluarkan surat iringan bersama-sama surat ini kepada sekolah-sekolah bawah pentadbiran mereka.

7. Pihak jabatan pendidikan negeri (JPN) dan PPD diminta untuk memastikan sekolah membuat hebahan berkaitan Skim TPMS kepada ibu bapa dan penjaga melalui platform yang bersesuaian termasuk semasa Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah masing-masing. Sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan TPMS ini boleh dibuat ke Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) dengan menghubungi **Encik Wan Izani bin Wan Idris** melalui alamat e-mel izani.idris@moe.gov.my atau telefon 03-88830774.




Takafulmalaysia

SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA (2026)



For internal use only



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

NO SIJIL TPSM 2026 :
PTP-P0324898-04-DIR-26

TEMPOH
PERLINDUNGAN :
1/1/2026 -31/12/2026

For internal use only



SKOP PERLINDUNGAN		AMAUN MANFAAT (RM)
A.	KEMATIAN akibat kemalangan	5,500.00
B.	LUMPUH berkekalan seluruh badan akibat kemalangan	22,000.00
C.	TERPISAH ATAU PUTUS ANGGOTA DARI BADAN ATAU KEHILANGAN PENGLIHATAN akibat kemalangan seperti berikut:	
	i. Kedua-dua belah tangan di atas pergelangan, atau	22,000.00
	ii. Kedua-dua belah kaki di atas buku lali, atau	
	iii. Kehilangan kekal penglihatan kedua-dua belah mata	
	* Jika kehilangan hanya satu daripada mana-mana anggota badan atau penglihatan dalam C(a), (b) & (c) di atas, maka amaun manfaatnya adalah sebanyak 50% daripada RM22,000.00	11,000.00

**SKOP PERLINDUNGAN****AMAUN MANFAAT (RM)**

D. KHAIRAT KEMATIAN - mati akibat sakit biasa	1,500.00
E. ELAUN TUNAI HOSPITAL - Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke dalam wad akibat kemalangan, Kami akan membayar sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100.00) untuk tempoh kemasukan wad selama empat (4) hari atau kurang dan bayaran tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25.00) sehari akan dibayar untuk hari-hari berikutnya, maksimum enam puluh (60) hari setahun dengan syarat kemasukan wad tersebut berlaku dalam tempoh dua belas (12) bulan daripada tarikh kemalangan.	25.00 sehari
F. ELAUN KERUSI RODA ATAU KAKI/TANGAN PALSU - Bayaran tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000.00) akan dibayar sebagai elaun kerusi roda atau kaki/tangan palsu sekiranya Orang Yang Dilindungi mengalami keilatan kekal dan tuntutan tersebut dibayar di bawah manfaat B atau C. Manfaat ini dibayar sekali sahaja sepanjang Tempoh Takaful dan ianya tidak akan dibayar sekiranya tuntutan tersebut tidak boleh dibayar di bawah manfaat B atau C.	RM1,000.00

**SKOP PERLINDUNGAN****AMAUN MANFAAT (RM)****G. ELAUN PERJALANAN**

Sekiranya Orang Yang Diliindungi dimasukkan ke dalam wad akibat kemalangan dan tuntutan tersebut dibayar di bawah manfaat E, bayaran tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200.00) akan dibayar bagi setiap kemalangan sebagai elaun perjalanan untuk ibubapa atau penjaga ke atau dari hospital sepanjang tempoh Orang Yang Diliindungi dimasukkan ke dalam wad.

RM 200.00

SKIM TAKAFUL PELAJAR SEKOLAH MALAYSIA

TPSM 2026

- 1) Semua tuntutan mesti dihantar secara online melalui sistem portal e-Daftar TPSM.
- 2) Setiap sekolah wajib melayari sistem portal TPSM ini minimum sekali sebulan bagi memastikan sistem ini kekal aktif disamping menyemak status tuntutan semasa.


For internal use only



PROSEDUR RESET KATA LALUAN

1) TERLUPA KATA LALUAN

- Login ke website : takaful-malaysia.com.my
- Klik ke “Tuntutan”
↓
- “Bukan Motor”
↓
- “Buat tuntutan / status tuntutan”
↓
- “TPSM (Takaful Pelajar Sekolah Malaysia) Daftar masuk TPMS e-Portal”
↓
- “Masukkan ID Pengguna (Kod Sekolah)”
↓
- Klik “Lupa Kata Laluan” dan lengkapkan frasa keselamatan yang direkod sekolah sebelum ini untuk proses reset sendiri secara terus .
Setiap sekolah akan menerima emel dengan kata laluan sementara untuk login dan penetapan kata laluan kekal selanjutnya.
> Sila rujuk lampiran panduan TPMS e-Portal.



ID PENGGUNA

Masukkan ID Pengguna (Kod Sekolah)


Selanjutnya

Lupa Kata Laluan?

PROSEDUR RESET KATA LALUAN

1) SEKOLAH PERTAMA KALI DAFTAR LOGIN

- Emel kepada : csu@takaful-malaysia.com.my
Nyatakan : “**Nama Sekolah, Kod Sekolah dan Emel Rasmi Sekolah**”
Setiap sekolah akan menerima emel dengan kata laluan sementara untuk login dan penetapan kata laluan kekal selanjutnya.
- ➔ > Sila rujuk lampiran panduan TPSPM e-Portal.
- Login ke website : takaful-malaysia.com.my
- Klik “**Tuntutan**”
- “**Bukan Motor**” dan “**Buat tuntutan / status tuntutan**”
- “**TPSPM (Takaful Pelajar Sekolah Malaysia) Daftar masuk TPSPM e-Portal**”
- “**Masukkan ID Pengguna (Kod Sekolah), Kata Laluan Sementara untuk login dan penetapan kata laluan kekal selanjutnya.**”



ID PENGGUNA

Masukkan ID Pengguna (Kod Sekolah)

Selanjutnya

Lupa Kata Laluan?

PROSES TUNTUTAN (Kaedah e –Daftar / e-Claim)



TINDAKAN PERTAMA OLEH SEKOLAH :

Kenalpasti kelayakan kes tuntutan murid sebelum membuat tuntutan secara online di sistem TPSM.

1. Nama Murid
2. Nama Sekolah
3. Tarikh dan punca kejadian
4. Sila rujuk skop perlindungan (Jadual Manfaat TPSM). Skim ini melindungi 24 jam diseluruh dunia akibat kemalangan sahaja kecuali kematian biasa/penyakit boleh menuntut khairat kematian RM 1,500.
5. Surat Pengesahan murid dan kejadian/kemalangan oleh sekolah sekiranya tidak melibatkan kemalangan jalanraya yang memerlukan laporan Polis.
6. Sentiasa merujuk kepada Manual Garis Panduan e-Daftar

- ***Pihak sekolah mesti memastikan semua dokumen sokongan tuntutan lengkap sebelum dihantar secara online kepada Takaful Malaysia.***

SEMAKAN STATUS TUNTUTAN :


- 1) Pihak sekolah boleh menyemak di sistem TPSM, atau
- 2) Emel kepada En. Suhirman di Bahagian Tuntutan TPSM :

Alamat Bahagian Tuntutan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad :

**SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA AM BERHAD
JABATAN TUNTUTAN NON MOTOR (TPSM)
TINGKAT 13, BLOK ANNEX,
MENARA TAKAFUL MALAYSIA
NO 4, JALAN SULTAN SULAIMAN
50000 KUALA LUMPUR
(U/P : EN SUHIRMAN BIN AZMI)**

Telefon : 03-22681984 sambungan 399

Emel : suhirman.azmi@takaful-malaysia.com.my



Thank You

